

Dr Jezamine cipta kejayaan tersendiri

FOTO ZUMRAT AL-SHAFFI/BER

● **Sanggup ke makmal dengan berbengkung untuk siapkan penyelidikan tamat PhD**



Oleh Saadiah Ismail
saadiah_smai@tbh.com.my

Misi doktor dan model, Dr Jezamine Lim Iskander, 31, ingin cemerlang dalam akademik bukan sekadar amaran kosong, sebaliknya berjaya digapai apabila menjadi wanita pertama memperoleh doktor falsafah (PhD) dalam kejuruteraan tisu dan sel stem.

Lebih istemewa lagi, pencapaian diperoleh itu adalah kali pertama memenangi perubatan Pusat Kejuruteraan Tisu (TEC) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang di anakan oleh Prof Datuk Dr Ruzaimah Idris, pada Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) Ke-45, baru-baru ini.

Justeru, isteri pelakon dan pelawak terkenal, Harith Iskander, tidak mahu terus hanyut dalam populariti suaminya, tetapi ingin mencipta kewibawaan tersendiri dengan pencapaian dalam bidangnya.

Dr Jezamine menganggap populariti hanya bersifat sementara, wanita perlu bijak dan hebat dalam akademik membantu seseorang mengubah kehidupan diri sendiri serta orang sekeliling ke arah lebih baik.

"Bukan mudah mencapai ke tahap ini. Pelbagai pengalaman pahit dan manis ditempuh semata-mata untuk gapai cita-cita dan kejayaan dalam bidang perubatan ini."

Katanya, tanpa sokongan dan kerjasana suami, keluarga dan anak-anaknya iaitu Zander Xayne Iskander, 5, Alessandro Jayne Iskander, 4, dan Zydane Xayne Iskander, 2, mungkin 'perjalanan' memperoleh cita-citanya ini terpendala.

Sepanjang enam tahun untuk

mendapatkan PhD ini, beliau mengorbankan masa senggang, tidur dan tiada percantuman bersama keluarga kerana mahu memberi komitmen serta fokus kepada penbeliahan.

"Saya melakukan kajian sel stem daripada badan manusia yang boleh dikembangkan untuk menjadi sel lain bagi membantu diwanter-salkan di dalam bidang perubatan dan sebagainya."

"Kajian ini memerlukan banyak masa dan perlu konsisten untuk menyelesaikan PhD. Saya memang suka membuat kajian dan akan gantikan kepakaran ini demi kepentingan sejagat," katanya ditemui, baru-baru ini.

Cabaran tempoh berpantang
Dr Jezamine berkata, detik paling mencabar adalah ketika tempoh berpantang yang memerlukan beliau meneruskan kajian dan me-rehabatkan diri selepas melahirkan anak.

"Sepanjang enam tahun penga-juan PhD, saya melutuskan tiga cahaya mata dan semuanya sangat mencabar. Pernah seminggu se-pas bersalin, saya datang ke mak-mal dengan berbengkung untuk menyiapkan kerja penyelidikan, menulis dan sebagainya."

"Saya jenis yang tidak boleh du-duk diam. Letih-lelah lagi kajian dilakukan ini tidak boleh berhenti, jika tidak saya yang rupa. Tiada siapa boleh menggantikan kerana hanya diri sendiri yang tahu apa yang sedang dilakukan," ka-tanya.

Beliau berkata, kerja penyeli-dikan dilakukan sendiri dari buhan secara dalam kumpulan, lantas memerlukannyanya menyiapkannya.

Katanya, demi menyiapkan ka-jian beliau juga perlu mendapatkan sel dengan keizinan pesakit. Kajian ini tidak semudah diwartika.

"Dilakukan berkali-kali kerana sel adalah benda hidup dan sangat senitif. Ada ketika ia mati atau tercemar dan perlu mendapatkan sel lagi. Jadi saya belajar bermula dari bawah," katanya.

Tidur 3 jam sehari

Beliau juga menguruskan kerjaya suami dan anak supaya keperluan serta kehajikan mereka tidak ter-abai, meskipun ada pembantu di rumah.

Katanya, pembantu hanya men-dorong jika beliau mempunyai ker-ja luar dengan menyediakan ja-dual untuk memastikan rutin anaknya tersusun.

"Saya adalah individu yang akan menyediakan jadual perancangan untuk suami dan anak termasuk jadual pemakanan. Jadi untuk anak, pembantu hanya perlu la-

inkan mengatur jadual dan anak juga sudah terbiasa dengan rutin ini."

"Tali saya tidak ketam-kelat dari jika terbiaya saya akan rujuk kepada jadual itu. Saya juga akan pastikan dipat memusnah cecak keluarga," katanya.

Beliau berkata, jadual waktunya begitu padat hingga ada ketika ha-mya tidur tiga jam sehari.

"Terasa penat dan uluk, tetapi saya gembira kerana berjaya me-lahirkan dan pada masa sama ber-rus menyiapkan anak-anak secara eksklusif sekurang-kurangnya se-tahun. Waktu anak kecil bangun untuk menyusu, saya tidak boleh tidur, ketika itu saya menyiapkan tesis."

"Waktu siang pula menguruskan perihal keluarga. Saya bersyukur Harith sangat memahami dan be-tryak membantu. Dia juga seolah-olah mengambil PhD seperti saya," katanya.

Didikan keluarga

Dr Jezamine berkata, didikan dan harapan ibunya, Shilah Sangoran, 53, bagannya, Lim Hock Chuan, 60, yang inginkan beliau masuk ke aliran sains menjadikan dirinya pada hari ini. Tanpa desakan me-reka, tidak mungkin beliau boleh berada pada tahap ini.

"Bapa saya tegas dan gerang. Dia juga sangat mementingkan mata pelajaran Matematik memandangkan dia menjalankan perniagaan dalam industri import dan eks-port, itu pula jurateknik per-gajian."

"Mula-mula memang tiada hati dan perasaan, saya ikutkan juga kerana tidak mahu membantah kata-kata mereka. Tetapi lama-ke-lamaan belajar sains itu menjadi sangat menarik dan mudah kerana semuanya berada di sekeliling an-da," katanya.

Beliau memersukan pengajian di sekolah perubatan di India selama empat tahun dan menamatkan pengajian pada peringkat Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) serta dua tahun program di Kolej Perubatan Melaka Manipal.

Katanya, pengajian di India sa-ngat mencabar dengan leadan persekitarannya yang tidak seperti di negara sendiri.

"Saya perlu bersaing dengan pe-lajar di India kerana mereka me-nelaah buku dengan begitu tekun dan menghafal setiap masa. Dalam satu subjek mereka akan membaca lebih daripada empat buku teks."

"Kita perlu bersaing dengan cara menulis dan mengolangkaji pe-la-jaran. Saya juga ingin membuk-tikan kepada ibu bapa mampu merealisasikan impian mereka," katanya.



Dr Jezamine Lim Iskander

- **Umur:** 31 tahun
- **Jawatan:** Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Harith Iskander Productions serta Yaku Medix, Neulife Stem Cell
- **Asal:** Klang, Selangor
- **Pendidikan:** MBBS Manipal
- **Pencapaian:** PhD dalam kejuruteraan tisu dan sel stem, Universiti Kebangsaan Malaysia
- **Berketurunan:** Cina dan India
- **Mempunyai:** seorang adik lelaki, Anton Lim, 30
- **Bersekolah di:** Methodist Girls' School, Klang, Selangor
- **Pernah:** menyertai pasukan taekwondo remaja kebangsaan pada usia 8 hingga 14 tahun
- **Bergelar:** model ketika usia 16 tahun